

# Pasdec umum dividen dua peratus

**P**ASDEC Holdings Bhd (Pasdec) yang mencatat keuntungan RM1.25 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006, mengumumkan pembayaran dua peratus sesaham selepas ditolak cukai pendapatan kepada kira-kira 6,000 pemegang sahamnya.

Ini kali pertama syarikat yang terbabit dalam pembangunan hartanah dan pembinaan itu membuat pembayaran dividen selepas kali terakhir berbuat demikian pada 1998.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2006, Pasdec mencatat perolehan RM104.3 juta, peningkatan 45 peratus berbanding RM72 juta tahun sebelumnya, dengan sebahagian besar disumbangkan pembangunan hartanah berjumlah RM72 juta dan RM20.1 juta oleh sektor pembinaan.

Pengerusi Pasdec, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata walaupun mencatatkan perolehan lebih tinggi dalam tahun kewangan dikaji, syarikat merekodkan keuntungan lebih rendah sebanyak RM1.25 juta berbanding RM6.25 juta tahun sebelumnya.

"Ia berikutan perbelanjaan berkaitan terbitan RM150 juta bon 'Rainbow Exchangeable' (REB) bagi membiayai projek hartanah terbarunya dan membayar pinjaman sebelum ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat agung tahunan Pasdec di Kuantan, semalam.

Katanya, Pasdec terus menjalankan aktiviti perniagaan terasnya, iaitu pembangunan hartanah, pengurusan projek, pembinaan, pengurusan resort dan kondominium, pengeluaran batu bata dan perdagangan bahan pembinaan.

Katanya, pembangunan hartanah komersial dan kediaman, memberi sumbangan besar perolehan syarikat apabila sebahagian besar 642 unit dibina berjaya dijual, selain 200 unit hartanah di pelbagai lokasi di seluruh Pahang diserahkan kepada pembeli.